

TARIKH : 19 MAC 2023

PERKARA: SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (SPP)

KPM tangani isu kekurangan guru 4 mata pelajaran

Oleh [Hazira Ahmad Zaidi](#) - Mac 19, 2023 @ 4:41pm

bhnews@nstp.com.my



KOTA BHARU: Kementerian Pendidikan (KPM) sedang menangani isu kekurangan guru bagi empat mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Pendidikan Islam serta Reka Bentuk dan Teknologi (RBT).

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Pkharuddin Ghazali, berkata bagaimanapun pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) untuk membuat pengambilan.

Beliau berkata, pada masa sama, KPM juga mencadangkan beberapa kaedah serta sudah mengadakan perbincangan bagi memperhalusi satu persatu keadaan yang dicadangkan.

"Dalam masa terdekat, kita akan membuat proses pengambilan dan tawaran untuk guru-guru yang berjaya secara berfasa.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **84 peratus setuju takwim sesi persekolahan kembali bermula Januari**
- **Sesi persekolahan kembali bermula Januari perlu masa**
- **Fadhlina beri jaminan takwim persekolahan akan kembali bermula Januari**
- **KPM teliti kembali mulakan sesi persekolahan Januari - Fadhlina**
- **Sesi persekolahan 2023/2024 bermula 19 Mac**
- **Tak ubah takwim sekolah pada Januari masa terdekat**
- **Jangan ambil masa lama tangguh takwim sekolah**
- **Kekurangan 19,431 guru libatkan seluruh negara**

"Insya Allah, kekurangan guru yang sedang dihadapi akan kita tangani peringkat demi peringkat dan sudah tentu ia tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat, sebaliknya memerlukan masa dua atau tiga tahun.

"Kita juga akan bersama dengan Institut Pendidikan Guru (IPG) dan pihak universiti awam untuk meningkatkan pengambilan pelajar dalam bidang berkenaan," katanya selepas Perasmian Pengoperasian Minggu Pertama Pembukaan Sekolah Sesi Akademi 2023/2024 di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa, di sini, hari ini.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya sama ada KPM akan mengubah semula takwim sesi persekolahan tahun depan, Pkharuddin berkata, pihaknya tetap berusaha untuk melihat ruang dan peluang untuk tempoh itu diawalkan.

Katanya, takwim persekolahan perlu mengambil kira jumlah hari persekolahan selama 190 hari setahun sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

"Bagaimanapun, mungkin ada kelebihan apabila sesi persekolahan dikekalkan pada Februari atau Mac kerana mungkin Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) boleh dielakkan pada musim Monsun Timur Laut.

"Dalam masa sama, tempoh menunggu untuk mendapat keputusan peperiksaan dan memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) atau pusat latihan tidak terlalu panjang sekali gus mengelakkan pembaziran waktu," katanya.

Pkharuddin berkata, pihaknya memahami hasrat masyarakat, ibu bapa dan mungkin sebahagian daripada guru yang inginkan suasana pembelajaran bermula pada bulan Januari atas faktor yang tertentu.

"Namun mungkin mengambil sedikit masa serta ruang dan kalau kita hendak ia diawalkan lagi, maka kita perlu korbankan cuti.

"Bagaimanapun cuti ini juga penting untuk memberi rehat kepada pelajar, ibu bapa dan guru, tetapi kalau cuti itu boleh dipendekkan mungkin pada tahun 2024, nanti persekolahan akan bermula awal seminggu berbanding pada tahun ini," katanya.



Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Pkharuddin Ghazali mengadakan lawatan di SJK (C) Chung Hwa di Kota Bharu, Kelantan hari ini. - Foto NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR